

Kerajaan komited sediakan kediaman selesa untuk segenap lapisan rakyat

# Bina 1 juta rumah mampu milik

Oleh MANIRAH OTHMAN

**KUALA LUMPUR** – Hasrat dan komitmen kerajaan untuk menyediakan satu juta unit rumah mampu milik khususnya bagi memberi peluang kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri hampir terlaksana.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu, sebanyak 139,338 rumah mampu milik atau 12.5 peratus daripada jumlah sasaran telah siap dibina, manakala 311,281 buah rumah atau 28 peratus kini dalam pembinaan.

“Bakinya berada pada peringkat perancangan dan prakelulusan.

“Ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam membina satu juta rumah telah pun dapat dipenuhi,” katanya pada sidang akhbar selepas mengunjungi Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Di bawah Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA), sebanyak 16,000 rumah sudah terjual di seluruh negara dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM4 bilion dalam tempoh dua tahun.

“Setakat ini PRIMA telah meluluskan 267,640 buah rumah di seluruh negara dengan sasaran untuk membina 500,000 rumah



NAJIB (tengah) diiringi Abdul Mutalib (tiga dari kiri) melihat model rumah yang ditawarkan semasa melawat ruang pameran pada Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional di PWTC, Kuala Lumpur semalam.

“Bagi projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPA1M) pula, sebanyak 141,774 unit daripada 200,000 unit telah diluluskan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PRIMA, Datuk Abdul Mutalib Alias memberitahu, agenda perumahan negara sentiasa diberi keutamaan oleh kerajaan bagi memastikan semua rakyat mampu memiliki kediaman sendiri.

“Visi kerajaan ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada transformasi sosioekonomi negara,” katanva.

*Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera* itu diadakan selama sembilan hari bermula semalam dibuka kepada orang ramai bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam.

Melalui ekspo berkenaan, orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang projek-projek perumahan termasuk pelbagai agensi kerajaan di seluruh negara.

Ekspo itu turut menawarkan dua unit kediaman PRIMA bernilai RM500,000, sebuah kereta Perodua Myvi dan motosikal sebagai hadiah kepada



NAJIB (barisan kedua, di tengah) bergambar bersama sebahagian daripada para pembeli rumah PRIMA, PPA1M dan Syarikat Perumahan Negara Berhad yang menerima kunci kediaman masing-masing semalam.

## INFO

### Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional

**Tarikh:** 24 Mac hingga 1 April

**Lokasi:** Dewan Tun Razak 1 PWTC

**Masa :** 10 pagi hingga 10 malam

#### Jenis kediaman ditawarkan:

**PRIMA** (267,640 unit)

**PPA1M** (141,774 unit)

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**  
(50,030 unit)

**Rumah Wilayah Persekutuan** (51,173 unit)

